

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
[PONTIAN]**

SOALAN

DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN [PONTIAN] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan tentang **usaha-usaha baru, prospek pasaran dan harga** komoditi utama getah, sawit, lada hitam, kenaf, koko, kayu dan lain-lain ketika era perdagangan yang mencabar sewaktu COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pandemik COVID-19 adalah cabaran utama yang sedang dihadapi oleh semua industri di negara ini. Namun begitu, industri minyak sawit negara hari ini sedang menunjukkan trend yang positif di mana harga minyak sawit mentah (MSM) telah melonjak kepada RM3,575.50/tan pada 4 Disember 2020 berbanding paras terendahnya, iaitu RM2,021.50/tan pada 12 Mei 2020. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM1,554.00 atau 76.8 peratus. Hal ini jelas membuktikan bahawa usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan telah berjaya meningkatkan harga minyak sawit walaupun dalam situasi COVID-19.

Walaupun begitu, pihak Kerajaan tidak melupakan semua agrikomoditi lain dibawah bidang kuasa Kementerian seperti getah, koko, lada, kayu dan kenaf. Sehubungan itu, pihak Kementerian melalui agensi-agensinya di bawah seliannya telah melaksanakan pelbagai inisiatif termasuk meneroka pasaran baharu bagi menstabilkan harga agrikomoditi ini.

Antara usaha-usaha yang dilaksanakan bagi meningkatkan prospek pasaran dan harga agrikomoditi ini adalah seperti berikut:

GETAH

- (i) Meningkatkan penggunaan getah dalam negara seperti dalam pembinaan jalan raya dan penghasilan produk-produk baharu dan bernilai tambah berasaskan getah seperti *seismic bearing*, sarung tangan getah dan lain-lain; dan
- (ii) Bekerjasama dengan negara-negara pengeluar utama getah dunia iaitu Thailand dan Indonesia di bawah kerangka *International Tripartite Rubber Council* (ITRC) untuk memperkukuh dan menstabilkan harga pasaran getah antarabangsa;

SOALAN NO : 25

Di samping itu, sebagai salah sebuah negara pembekal utama getah asli dunia dan terkenal dengan kualiti getahnya yang baik, Malaysia telah mengeksport kepada hampir keseluruhan pengguna getah asli di segenap pelusuk dunia. United Arab Emirates (UAE) adalah negara pasaran baharu yang mana Malaysia mula mengeksport getah asli ke negara tersebut sejak 3 tahun yang lalu.

LADA

- (i) Menjual terus lada dan produk-produknya ke pasaran istimewa ("*Niche Market*") untuk meningkatkan daya saing industri lada Malaysia;
- (ii) memperkenalkan beberapa produk lada tambah nilai peringkat kilang seperti Lada Steril (*Mikrokleen*) dan serbuk lada untuk pasaran yang lebih mementingkan keselamatan dan kualiti makanan dan produk istimewa peringkat ladang seperti Lada Putih Krim (LPK). Setakat ini, MPB telah berjaya menembusi pasaran produk lada tambah nilai dan pasaran lada istimewa di Jepun, Sweden, Korea Selatan, China, Taiwan, Hong Kong, Spain, Polynesia dan lain-lain lagi. Pasaran-pasaran tersebut mampu membayar harga yang lebih tinggi berbanding harga bahan mentah.

KOKO

- (i) Melaksanakan Program Khidmat Sokongan Pasaran Domestik (KSPD) yang dapat membantu pengusaha koko memasarkan biji koko mereka dengan tawaran harga belian yang berpatutan dan mengurangkan kegiatan orang tengah yang menawarkan harga yang tidak kompetitif; dan
- (ii) menjalankan aktiviti promosi secara maya di mana pihak industri telah menghadiri beberapa program secara *virtual exhibition* melalui platform *Webinar, Zoom Stage Presentation, Live Chat* dan *Online Business Matching*.

KAYU

- (i) menyertai pameran perkayuan, perabot dan pembinaan peringkat domestik dan antarabangsa bagi mewujudkan permintaan terhadap produk kayu Malaysia dan untuk meningkatkan jaringan serta peluang perniagaan di negara berkaitan; dan
- (ii) meningkatkan kerjasama antara agensi berkaitan seperti Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Negara Malaysia (MATRADE) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk menggalakan industri perkayuan meluaskan akses kepada pasaran digital melalui penyertaan pameran secara digital dan menggalakkan pemasaran melalui platform digital seperti *AliBaba*, *MineBizs* dan sebagainya.

KENAF

- (i) memperkenalkan ladang kluster bersaiz 20 hingga 50 hektar bagi menggantikan ladang skala kecil yang kurang ekonomik dan diusahakan oleh penanam kenaf sedia ada;
- (ii) membina Pusat Penyelidikan *Research, Innovation Technology And Incubation Of Small Enterprises* (RINTIS) bagi melahirkan usahawan dalam aktiviti pemprosesan fiber premium; dan
- (iii) meningkatkan usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) kenaf di peringkat hulu, pertengahan dan hiliran.

Untuk makluman, harga komoditi kenaf adalah stabil dan tidak terkesan dengan sebarang penyusutan pasaran harga berbanding komoditi yang lain kerana Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) melaksanakan tanaman secara sistem *contract farming*. Kerajaan melalui LKTN telah menetapkan harga batang kering pada kadar RM500/tan bertujuan untuk menggalakkan penanaman kenaf di Malaysia.

Sekian, terima kasih.